



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PMPK DAN PELANCARAN TAHUN PRODUKTIVITI 2008

UCAPAN ALUAN

**YANG BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

DI GLORY BEACH RESORT, PORT DICKSON
30 OGOS 2008
11.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Hj.
Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengurus Besar Anak Syarikat

Pengarah RISDA Negeri Sembilan

Pemaju – Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk menjayakan Majlis Perasmian Seminar PMPK dan Pelancaran Tahun Produktiviti 2008. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y.B. Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib,

3

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ke atas keprihatinan YB Tan Sri meluangkan masa untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Saya percaya dengan keprihatinan dan sokongan penuh Y.B. Tan Sri, RISDA akan terus menjadi Peneraju Kemajuan Pekebun Kecil dengan meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran kita iaitu pekebun-pekebun kecil .

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan PMPK sekalian ke majlis yang diatitkan khas untuk Tuan-Tuan dan Puan-Puan supaya

4

tugas yang diamanahkan kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

2.0 SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN

Syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana telah menganugerahkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran kepada negara kita yang dicintai ini. Sebagai insan kita seharusnya bersyukur di atas segala limpah nikmat yang telah dikurniakan itu dan terus berusaha memelihara keamanan supaya segala perancangan untuk memajukan negara dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan. Esok kita akan sambut Hari Kemerdekaan Malaysia,

5

oleh itu marilah kita sama-sama memperbaharui tekad dan iltizam kita untuk membela bangsa dan negara kita daripada ancaman pihak yang tidak bertanggungjawab.

3.0 SELAMAT MENYAMBUT BULAN RAMADHAN

Bahang sambutan bulan Ramadhan juga sudah mula terasa dan tinggal sehari dua sahaja lagi bagi kita semua untuk menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak. Permulaan Ramadhan akan ditentukan malam esok. Sempena bulan Ramadhan yang mulia ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut bulan Ramadhan dan selamat menunaikan ibadah

6

puasa. Bulan Ramadhan merupakan bulan penuh keberkatan dan banyak kelebihan daripada bulan-bulan lain. Ianya merupakan bulan diperturunkan Al-Quran dan juga kehadiran malam Lailatul Qadar. Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha untuk mengimarahkan bulan ini dengan sebanyak ibadah yang mungkin.

4.0 KEPENTINGAN PEMAJU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL (PMPK) DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT PEKEBUN KECIL

Untuk makluman YB Tan Sri, setakat ini, RISDA telah melantik seramai 504 orang PMPK dari kalangan pekebun kecil yang

7

progresif, dinamik dan mempunyai daya kepimpinan yang di terima oleh masyarakat pekebun kecil setempat. Sasaran adalah 700 orang dan perlantikan untuk baki seramai 196 orang PMPK lagi akan dibuat secara berperingkat tidak lama lagi.

5.0 TUJUAN SEMINAR PMPK

Seminar PMPK ini bertujuan untuk:

- a. Memaklumkan mengenai senario industri getah masa kini supaya pekebun kecil di beri pendedahan dengan perkembangan semasa pasaran komoditi, terutamanya jeta asli.

8

- b. Memastikan semua PMPK dapat memahami tugas dan tanggungjawab yang perlu mereka jalankan dalam usaha membantu kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekebun kecil dan penduduk luar bandar dari belenggu kemiskinan.
- c. Memberi pendedahan kepada PMPK akan program-program pembangunan yang dijalankan oleh RISDA dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil. Tumpuan diberikan kepada penggunaan benih bermutu dan pendekatan tanam semula secara berkumpulan

9

- d. Meningkatkan Almu ke arah pembangunan modal insan dan amalan pertanian yang baik.

Untuk makluman YB Tan Sri, selain daripada 504 orang PMPK yang hadir pada hari ini, kita juga menjemput 60 orang pemimpin pekebun kecil serta pegawai luar RISDA yang bertugas di lapangan.

6.0 TUJUAN PELANCARAN TAHUN PRODUKTIVITI 2008

Pengurusan RISDA juga telah memutuskan bahawa Tahun 2008 sebagai Tahun Produktiviti. Tujuan Pelancaran Tahun 2008 sebagai Tahun Produktiviti adalah untuk:

- 6.1 Meningkatkan hasil melebihi 2000 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 metrik tan sehektar setahun bagi sawit.
- 6.2 Meningkatkan pendapatan pekebun kecil ke tahap RM 2000.00 sebulan sekeluarga pada penghujung RMK 9.

- 6.3 Mewujudkan satu pembudayaan aktiviti khidmat pengembangan getah dan sawit matang di kalangan pekebun kecil.
- 6.4 Mempergiatkan aktiviti khidmat pengembangan kepada golongan sasaran khasnya dibawah kategori produktiviti getah dan sawit matang.

Pendekatan Kearah meningkatkan produktiviti kebun

- i. Meningkatkan hasil setorehan sepokok atau g/t/t daripada 35 gram ke 60 gram melalui penggunaan klon yang baik.
- ii. Amalan Pertanian yang baik
- iii. Penggunaan baja dan alat rangsangan
- iv. Menambahkan bilangan hari menoreh dari 11 hari ke 15 hari sebulan
- v. Meningkatkan kepadatan pokok bertoreh daripada 353 pokok sehektar ke 500 pokok sehektar

7.0 PENUBUHAN KELAB 2000 DAN KELAB 30

Bermula tahun 2007, RISDA telah menubuhkan Kelab 2000 untuk getah dan Kelab 30 untuk sawit bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practices) untuk meningkatkan produktiviti getah dan sawit. Tuan-tuan dan Puan-puan yang berjaya mencapai penghasilan yang tinggi diterima menjadi ahli kelab 2000 bagi getah dan Kelab 30 bagi sawit.

Setakat ini, seramai 3,475 orang pekebun kecil telah menjadi ahli kelab dengan penghasilan kebun melebihi 2,000 kg/hek/tahun

untuk getah. Manakala untuk sawit, seramai 71 orang telah menjadi ahli kelab 30 mt/hek/tahun.

Selain daripada itu, pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil ladang pekebun kecil sama ada getah atau sawit perlu diadakan di peringkat Negeri dan Daerah. Antara aktiviti yang dimaksudkan ialah kursus formal teknikal, penekanan kepada amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practises) dan bengkel pemindahan teknologi. Usaha-usaha seumpama ini di harap dapat menimbulkan kesedaran di kalangan pekebun kecil.

Tema Pelancaran Tahun Produktiviti tahun ini adalah 'Optimumkan Produktiviti melalui pengamalan teknologi secara konsisten dan efektif' manakala slogan Pelancaran adalah ' Amalkan Teknologi, Optimumkan Produktiviti'

Pengisian aktiviti Tahun Produktiviti antaranya termasuk penambahan ahli Kelab 2000 dan 30 metrik tan, penerbitan buku, poster dan risalah produktiviti, pelancaran Majlis Produktiviti di negeri-negeri, pertandingan tema tahun produktiviti, ceramah produktiviti, kisah kejayaan pekebun kecil serta Penyampaian Anugerah Produktiviti. Komitmen yang tinggi oleh pegawai luar RISDA dan tumpuan khusus oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan

dalam pengurusan kebun perlu diberikan supaya matlamat pelancaran tahun produktiviti dapat di capai.

8.0 ANUGERAH PEKEBUN KECIL

Pada hari ini, RISDA akan menyampaikan 3 Anugerah kepada pekebun kecil yang berjaya iaitu Anugerah Khas Menteri, Anugerah Usahawan Ladang Jaya dan Anugerah Tokoh PMPK. Mereka ini telah di pilih daripada ribuan pekebun kecil di setiap negeri berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan syabas dan

17

tahniah kepada pemenang-pemenang Anugerah yang akan diumumkan sebentar nanti.

8.0 PENUTUP

Akhir sekali saya ingin menyeru kepada semua PMPK supaya dapat memberi kerjasama dan sentiasa melibatkan diri mereka dengan program RISDA untuk kemajuan dan kemakmuran masyarakat pekebun kecil sendiri. Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Senator Tan Sri yang kita kasihi kerana sudi melapangkan masa untuk menyempurnakan kan majlis pada hari ini.

18

Akhir sekali saya berdoa semoga Allah S.W.T. akan memberikan taufik dan hidayatNya kepada kita sekalian dalam segala usaha yang kita laksanakan dan peroleh hidayat dunia dan akhirat.

Sekian, **Wabillahi taufik walhidayah.**

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.